



---

**PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

**BILANGAN 1 TAHUN 2025**

---

**PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA**

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Tujuan	2
2.	Latar Belakang	2
3.	Tafsiran	2
4.	Syarat-syarat Pelantikan Pegawai Perlindungan Data	4
5.	Tugas-tugas Pegawai Perlindungan Data	5
6.	Tanggungjawab Pengawal Data dan Pemproses Data	7
7.	Latihan dan Profesionalisme untuk Pegawai Perlindungan Data	8
8.	Pemberitahuan Pelantikan Pegawai Perlindungan Data	9
9.	Penerbitan dan Komunikasi Maklumat Hubungan Perniagaan Pegawai Perlindungan Data	10
10.	Tarikh Kuat Kuasa	10

## 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai pelantikan pegawai perlindungan data, termasuk tugas dan tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh pegawai perlindungan data bagi memastikan pengawal data dan pemproses data mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*].

## 2. LATAR BELAKANG

- (1) Seksyen 12A Akta 709 memperuntukkan keperluan kepada pengawal data dan pemproses data untuk melantik seorang atau lebih pegawai perlindungan data.
- (2) Pelantikan pegawai perlindungan data adalah bertujuan untuk memperkukuhkan amalan pengurusan data peribadi yang telus dan selamat, meningkatkan akauntabiliti serta kepercayaan awam terhadap cara data peribadi dikendalikan oleh pengawal data dan pemproses data.
- (3) Keperluan mandatori bagi pelantikan pegawai perlindungan data oleh pengawal data dan pemproses data adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya seperti yang diperuntukkan dalam pekeliling ini.

## 3. TAFSIRAN

- (1) Bagi maksud pemakaian pekeliling ini :
  - (a) “**insiden keselamatan**” ertinya suatu peristiwa atau kejadian yang menjejaskan atau cenderung untuk menjejaskan perlindungan data atau boleh menjejaskan ketersediaan, kerahsiaan atau integriti data peribadi;

- (b) “**maklumat hubungan perniagaan**” ertinya nama individu, nama jawatan atau gelaran, nombor telefon perniagaan, alamat perniagaan, alamat e-mel perniagaan atau nombor faks perniagaan dan sebarang maklumat lain yang seumpama tentang individu tersebut, tidak diberikan oleh individu itu semata-mata untuk tujuan peribadinya;
- (c) “**notis perlindungan data peribadi**” ertinya notis bertulis yang dikehendaki diberikan oleh pengawal data kepada subjek data bagi mematuhi seksyen 7 Akta 709;
- (d) “**pegawai perlindungan data**” ertinya individu yang dilantik oleh pengawal data atau pemproses data di bawah seksyen 12A Akta 709;
- (e) “**pelanggaran data peribadi**” ertinya seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 4 Akta 709 dan tidak terhad kepada pengubahan, penyalinan, pengubahsuaian atau pemusnahan;
- (f) “**penilaian impak perlindungan data**” ertinya penilaian terhadap impak operasi pemprosesan yang dirancang terhadap perlindungan data peribadi, yang mungkin melibatkan pengenalpastian, penilaian dan pengendalian risiko perlindungan data peribadi berdasarkan fungsi, keperluan dan proses organisasi;
- (g) “**pemantauan berkala**” ertinya pemprosesan yang dijalankan oleh pengawal data atau pemproses data berlaku secara berterusan atau dijalankan secara berulang atau berulang pada masa yang ditetapkan;
- (h) “**pemantauan sistematik**” ertinya aktiviti pemprosesan data yang dijalankan oleh pengawal data atau pemproses data di mana pemprosesannya telah diatur, teratur dan berkaedah.

#### 4. SYARAT-SYARAT PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA

- (1) Bagi maksud seksyen 12A Akta 709, pengawal data dan pemproses data hendaklah melantik seorang atau lebih pegawai perlindungan data dalam mana-mana kes jika pemprosesan melibatkan:
  - (a) data peribadi melebihi 20,000 bilangan subjek data;
  - (b) data peribadi sensitif termasuk maklumat kewangan melebihi 10,000 bilangan Subjek Data; atau
  - (c) aktiviti yang memerlukan pemantauan berkala dan sistematik.
- (2) Walau apa pun subperenggan 4(1), mana-mana pengawal data atau pemproses data hendaklah memberitahu tentang pelantikan pegawai perlindungan data kepada Pesuruhjaya sekiranya terdapat apa-apa keperluan yang mendesak.
- (3) Individu yang sama boleh dilantik sebagai pegawai perlindungan data oleh lebih dari seseorang pengawal data dan pemproses data, sama ada secara separa masa atau sepenuh masa dengan mengambil kira fungsi organisasi, struktur dan saiz.
- (4) Pegawai perlindungan data hendaklah bermastautin di Malaysia (iaitu berada secara fizikal di Malaysia untuk sekurang-kurangnya 180 hari dalam satu tahun kalendar) atau mudah dihubungi dan mahir dalam Bahasa Kebangsaan serta Bahasa Inggeris.
- (5) Pengawal data dan pemproses data hendaklah menentukan tahap kelayakan yang bersesuaian, pengalaman, kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk membolehkan pegawai perlindungan data yang dilantik melaksanakan tugas mengikut operasi pemprosesan data peribadi yang dijalankan, kerumitan dan skala data yang diproses, sensitiviti data yang diproses dan perlindungan yang diperlukan untuk

data yang diproses. Kemahiran atau kepakaran yang diperlukan termasuk:

- (a) pengetahuan mengenai Akta 709, keperluan di bawah undang-undang dan amalan perlindungan data negara (termasuk mana-mana undang-undang perlindungan data yang relevan dan berkaitan);
  - (b) pemahaman mengenai operasi perniagaan pengawal data atau pemproses data dan operasi pemprosesan data peribadi yang dijalankan;
  - (c) pemahaman mengenai teknologi maklumat dan keselamatan data;
  - (d) kualiti peribadi seperti integriti, pemahaman tentang tadbir urus korporat dan etika profesional yang tinggi;
  - (e) keupayaan untuk menggalakkan budaya perlindungan data dalam organisasi.
- (6) Pegawai perlindungan data boleh dilantik di kalangan pekerja sedia ada atau menggunakan perkhidmatan penyumberluaran (berdasarkan kontrak perkhidmatan yang ditandatangani dengan individu atau organisasi).

## **5. TUGAS-TUGAS PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA**

- (1) Pegawai perlindungan data hendaklah dimaklumkan berhubung pelantikan dan tugas, sekurang-kurangnya seperti yang berikut:
  - (a) memaklumkan dan menasihati pengawal data atau pemproses data dan mana-mana pekerja pengawal data atau pemproses

data dalam menjalankan pemrosesan data peribadi mengikut peruntukan Akta 709;

- (b) memberikan khidmat sokongan dalam mengaplikasikan peraturan perlindungan data;
  - (c) memantau pematuhan peruntukan Akta 709 dengan dasar berkaitan dengan perlindungan data peribadi yang dibangunkan oleh pengawal data dan pemproses data termasuk menugaskan tanggungjawab di bawah dasar tersebut, meningkatkan kesedaran, melatih pekerja dan menjalankan audit;
  - (d) memberikan sokongan dan nasihat mengenai pelaksanaan penilaian impak perlindungan data mengikut keperluan yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa dan memantau pematuhan;
  - (e) berfungsi sebagai pegawai perhubungan utama kepada Pesuruhjaya dalam hal pematuhan kepada Akta 709 dan subjek data berkenaan semua isu berkaitan pemrosesan data peribadi dan hak-hak subjek data; dan
  - (f) memastikan pengawal data atau pemproses data menguruskan pelanggaran data dan insiden keselamatan dengan betul termasuk penyediaan, pemrosesan dan penyerahan laporan dan dokumentasi lain yang diperlukan oleh Pesuruhjaya berkaitan pelanggaran data peribadi dalam tempoh yang ditetapkan.
- (2) Pegawai perlindungan data hendaklah mempertimbangkan risiko berkaitan dengan operasi pemrosesan data peribadi dengan mengambil kira sifat, skop, konteks dan tujuan pemrosesan dalam melaksanakan tugas yang dinyatakan dalam perenggan 5(1).

## **6. TANGGUNGJAWAB PENGAWAL DATA DAN PEMROSES DATA**

- (1) Pengawal data dan pemproses data hendaklah memastikan bahawa pegawai perlindungan data terlibat dalam semua isu yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi mengikut cara dan dalam jangka waktu yang tepat.
- (2) Pengawal data dan pemproses data hendaklah menyokong Pegawai perlindungan data dalam menjalankan tugas mengikut perenggan 5(1) dengan memberikan autonomi yang mencukupi, menyediakan sumber sebagaimana yang perlu dan memudahkan akses kepada data peribadi dan operasi pemprosesan untuk menjalankan tugas sebagai pegawai perlindungan data dengan berkesan.
- (3) Pengawal data dan pemproses data hendaklah menyediakan latihan kepada pegawai perlindungan data untuk menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.
- (4) Pegawai perlindungan data hendaklah terikat dengan kerahsiaan berkenaan dengan pelaksanaan tugas mereka.
- (5) Pegawai perlindungan data hendaklah menjalankan tugas secara profesional, tidak terikat dengan arahan dan melaporkan secara langsung kepada peringkat pengurusan kanan (atau setara) pengawal data atau pemproses data semasa menjalankan tugas.
- (6) Pengawal data dan pemproses data tidak boleh memberhentikan pegawai perlindungan data kerana melaksanakan tugas menurut perenggan 5(1). Pematuhan perlindungan data peribadi adalah tanggungjawab pengawal data dan pemproses data.
- (7) Pegawai perlindungan data boleh melaksanakan tugas dan tanggungjawab rasmi yang lain. Pengawal data atau pemproses data hendaklah memastikan bahawa mana-mana tugas dan tanggungjawab



rasmi yang lain tidak mengakibatkan percanggahan kepentingan kepada pegawai perlindungan data.

- (8) Bagi memastikan pengendalian isu perlindungan data peribadi dilaksanakan secara profesional, pengawal data dan pemproses data hendaklah mewujudkan satu akaun e-mel perniagaan rasmi yang khusus untuk pegawai perlindungan data. Akaun e-mel perniagaan rasmi khusus yang diwujudkan hendaklah berbeza dan berasingan daripada alamat e-mel peribadi dan alamat e-mel rasmi perniagaan individu yang dilantik sebagai pegawai perlindungan data.
- (9) Jika individu yang dilantik sebagai pegawai perlindungan data memberhentikan perkhidmatannya/tamat tempoh perkhidmatan, pengawal data atau pemproses data hendaklah melantik, melantik semula atau mengambil pengganti baharu dalam tempoh yang munasabah. Pengawal data dan pemproses data hendaklah dengan seberapa segera melantik seorang pegawai perlindungan data interim untuk memantau komunikasi yang dihantar melalui alamat e-mel perniagaan rasmi pegawai perlindungan data.

## **7. LATIHAN DAN PROFESIONALISME UNTUK PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA**

- (1) Pesuruhjaya boleh menentukan mekanisme yang perlu atau suai manfaat bagi pelaksanaan pegawai perlindungan data bagi segala atau mana-mana maksud yang berikut:
  - (a) menetapkan kursus dan program latihan untuk pegawai perlindungan data bagi membangunkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas dalam perenggan 5(1) dengan cekap;

- (b) membangunkan dan menyediakan program yang berkaitan untuk pegawai perlindungan data;
  - (c) menetapkan mekanisme penanda aras kemahiran Pegawai Perlindungan Data untuk pembangunan kapasiti profesional perlindungan data bagi memenuhi keperluan semasa.
- (2) Bagi maksud pelaksanaan peruntukan dalam perenggan 7(1), Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa melantik atau membatalkan pelantikan mana-mana badan sebagai penyedia perkhidmatan bagi kursus atau program latihan untuk Pegawai Perlindungan Data.

## **8. PEMBERITAHUAN PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA**

- (1) Pengawal data hendaklah memberitahu Pesuruhjaya tentang pelantikan pegawai perlindungan data dan mengemukakan maklumat perhubungan perniagaan pegawai perlindungan data kepada Pesuruhjaya dengan mendaftarkan pegawai perlindungan data tersebut mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya.
- (2) Pengawal data hendaklah mendaftarkan pegawai perlindungan data yang dilantik dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh pelantikan tersebut.
- (3) Jika pegawai perlindungan data sedia ada memberhentikan perkhidmatannya/tamat tempoh perkhidmatan, Pengawal Data hendaklah mengemas kini maklumat pendaftaran pegawai perlindungan data yang baharu dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pelantikan pegawai perlindungan data tersebut.


**9. PENERBITAN DAN KOMUNIKASI MAKLUMAT HUBUNGAN  
PERNIAGAAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA**

Pengawal data dan pemproses data hendaklah menerbitkan suatu maklumat hubungan perniagaan pegawai perlindungan data di semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) laman sesawang rasmi atau media rasmi yang lain;
- (b) notis perlindungan data peribadi;
- (c) dasar keselamatan dan garis panduan.

**10. TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh 1 Jun 2025.



**(PROFESOR DR. MOHD NAZRI BIN KAMA)**  
Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi

No. Fail : PDP.(S).100-1/1/5 (12)